

Oleh Salbinous Saribun
bhvarsiti@bh.com.my
Kuala Lumpur

UMS menang dua kategori Anugerah Buku Negara 2014

Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah diumumkan sebagai penerima Anugerah Buku Umum Terbaik Kategori Teknikal pada Majlis Anugerah Buku Negara 2014 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), baru-baru ini.

Anugerah tersebut hasil penulisan beliau menerusi buku bertajuk *Principles in Water Analysis for Environmental Science* terbitan Penerbit UMS.

Prof Mohd Harun menerima anugerah berkenaan yang disampaikan bekas Perdana Menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi. Buku setebal 83 muka surat itu berkisarkan mengenai prinsip pengukuran dan analisis makmal serta prosedur asas menjalankan pelbagai ujian yang memfokuskan parameter kualiti air.



Prof Mohd Harun (dua dari kanan) menerima anugerah disampaikan Ahmad Badawi (empat dari kiri).

Hasil penulisan pensyarah

Selain anugerah berkenaan, UMS turut dipilih sebagai penerima Anugerah Buku Umum Terbaik Kategori Sains menerusi buku *Atmosphere and Ocean: An Introduction to Marine Science*.


Buku itu ditulis sekumpulan pensyarah dan penyelidik Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB) UMS iaitu Than H Aung, Madihah Jafar Sidik,

ANUGERAH TERSEBUT HASIL PENULISAN BELIAU MENERUSI BUKU BERTAJUK PRINCIPLES IN WATER ANALYSIS FOR ENVIRONMENTAL SCIENCE TERBITAN PENERBIT UMS

Dr Ejria Saleh dan Muhammad Ali S Hussein.

Anugerah bersempena dengan Expo Buku Malaysia 2014 itu dinilai oleh Panel Peni-

lai Profesional Anugerah Buku Negara yang dipengerusikan Ketua 1 Gabungan Penulis Nasional (GAPENA), Prof Datuk Wira Dr Abdul Latif Abu Bakar.



Buku tulisan Prof Mohd Harun.